

Antara Sentimen dengan Prinsip Kemanusiaan

KETIKA negara sedang bergelut untuk membendung pandemik COVID-19, pada 4 April lalu, lebih 200 orang pelarian Rohingya mendarat dengan menaiki bot di kawasan peranginan berdekatan Pantai Teluk Nibong, Langkawi.

Mereka kemudian ditahan oleh pihak berkuasa dan dikuarantin bagi menjalankan pemeriksaan kesihatan. Dua belas hari kemudian, sebuah bot hanyut yang dipenuhi pelarian Rohingya sekali lagi cuba memasuki perairan negara. Namun begitu, cubaan tersebut digagalkan oleh pihak berkuasa – Tentera Udara Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia. Atas prinsip kemanusiaan, pihak berkuasa telah memberikan bantuan makanan sebelum mengiringi bot tersebut keluar menuju perairan antarabangsa.

Meskipun apa-apa yang berlaku itu bukanlah kali pertama – pelarian Rohingya berjaya membolosi perairan negara dan ada juga yang berjaya dihalang. Misalnya pada 8 April 2019, sekumpulan lelaki Rohingya terdampar di kawasan pesisir Pantai

Sungai Baru, Perlis, selepas tiba dengan sebuah bot. Sebelum itu, pada 2 Mac 2019, bot ikan yang membawa 35 orang pelarian Rohingya berjaya bolos daripada rondaan yang dilakukan oleh pihak berkuasa.

Namun begitu, apa-apa yang berlaku terhadap pelarian Rohingya mendapat reaksi yang pelbagai daripada rakyat tempatan yang menyokong usaha kerajaan dalam membendung kemasukan pelarian Rohingya lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaksa Malaysia memperketat kawalan sempadan agar tiada sesiapa bolos keluar atau masuk ke negara ini.

Rentetan isu itu, ada suara-suara yang mengecam tindakan tegas Malaysia dengan menyelar pihak berkuasa negara ini sebagai tidak berperikemanusiaan. Hal itu ditambah pula apabila wujud tuntutan hak kewarganegaraan pelarian Rohingya seperti yang dilaporkan dalam media sosial dan menjadi tular dalam kalangan rakyat Malaysia. Maka, sekali lagi wujud pandangan yang berbeza-beza berhubung dengan hal ini – ada yang menganggap tuntutan tersebut melampau dan tidak masuk akal dan menuntut agar Malaysia tidak lagi terlalu berlembut dan beralas dengan prinsip kemanusiaan dalam



menyelesaikan isu pelarian Rohingya. Hal ini dikatakan penting bagi memastikan isu pelarian Rohingya tidak menjadi isu keselamatan negara pada masa akan datang.

Kebimbangan ini ada asasnya apabila jumlah pelarian Rohingya semakin meningkat di negara ini. Menurut laporan United Nation High Commission for Refugees (UNHCR), hingga Februari 2020, terdapat sebanyak 178 990 orang pelarian dan pencari suaka yang berdaftar dengan UNHCR yang berada di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 101 010 orang ialah pelarian Rohingya. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut dianggarkan jauh lebih besar memandangkan ramai daripada mereka yang tidak berdaftar dengan UNHCR, mahupun yang memasuki negara ini melalui sindiket pemerdagangan manusia.

Kehadiran mereka di negara ini tanpa pendidikan yang sempurna, tiada pekerjaan, dan tinggal di penempatan yang serba kekurangan dibimbangkan akan mendedahkan mereka kepada masalah sosial dan jenayah untuk jangka masa yang panjang. Oleh itu, wujud cadangan agar Malaysia segera menghadkan jumlah kemasukan pelarian Rohingya ke negara ini.

Menurut Pensyarah Kanan Politik dan Hubungan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Profesor Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani, kerajaan perlu menetapkan had jumlah pelarian Rohingya yang dibenarkan berada di negara ini berdasarkan kemampuan Malaysia menguruskan etnik tersebut. Hal ini penting bagi memastikan jumlah pelarian Rohingya tidak melebihi kemampuan negara untuk menguruskan mereka.

Jelasnya, kerajaan bukan sahaja perlu menanggung beban kewangan untuk menguruskan pelarian, tetapi juga aspek lain seperti politik, sosial dan jenayah yang turut memberikan kesan kepada rakyat tempatan. Oleh

itu, sekiranya kerajaan menganggap jumlah mereka yang berada di negara ini sudah terlalu ramai, membimbangkan serta membebankan, maka wajar untuk Malaysia bertindak tegas dan menghalang kehadiran pelarian Rohingya.

Hal ini bukan bermaksud Malaysia tidak berperikemanusiaan kerana amat tidak adil untuk menuduh kerajaan tidak prihatin dalam soal ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sebelum ini Malaysia amat tegas dalam membicarakan soal pelarian Rohingya baik dari segi bantuan, kebajikan mahupun dalam memperjuangkan nasib pelarian Rohingya pada pelbagai peringkat dunia mahupun serantau.

Menurut mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia sudah terlalu banyak memberikan suaka kepada pelarian Rohingya, oleh itu mereka sepatutnya pergi ke negara lain dan negara itu pula perlu membuka pintu untuk mereka. Tambah beliau, Malaysia juga perlu mendedahkan kezaliman Myanmar kepada dunia selain meminta Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengambil tindakan terhadap negara berkenaan.

“Janganlah kita benci kepada orang Rohingya yang menjadi mangsa kezaliman. Negara-negara Islam dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) perlu bertindak untuk menghentikan kezaliman yang dilakukan oleh Myanmar (kepada etnik Rohingya),” katanya menerusi catatan dalam blognya.

Malaysia sememangnya antara negara yang paling lantang membangkitkan isu pelarian Rohingya. Pada 28 Oktober 2018, ketika lawatan Tun Dr. Mahathir ke Thailand, beliau menegaskan bahawa walaupun Malaysia kekal dengan pendirian untuk tidak campur tangan dalam isu dalaman negara-negara lain, namun isu Rohingya kini terpalit dengan Malaysia.

“Kita telah bersetuju, iaitu kita tidak akan campur tangan dalam urusan

dalam negara-negara ASEAN, tetapi apa-apa yang berlaku kini mempunyai kesan terhadap kita. Hal ini dikatakan demikian kerana ramai orang Rohingnya yang lari dari negara asal mereka dan memilih untuk datang ke Malaysia. Hal ini pada akhirnya menjadi masalah kepada Malaysia. Oleh sebab itu, kita perlu menegaskan kepada Myanmar bahawa cara mereka menguruskan orang Rohingya patut diperbetul. Kalau mereka tidak melakukan sesuatu, yang akan menerima beban ialah negara-negara ASEAN yang lain,” ujar beliau.

Sementara itu, pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang lalu, ramai pemimpin dunia turut mengkritik pentadbiran Aung San Suu Kyi apabila bukan sahaja gagal menangani krisis Rohingya, tetapi juga memberikan tekanan termasuk membunuh etnik itu.

Pada hakikatnya, untuk meletakkan sepenuhnya tanggungjawab kepada Malaysia dalam menangani isu pelarian Rohingya adalah tidak adil dan tidak bertanggungjawab. Sebagai sebuah komuniti serantau, ASEAN sebenarnya perlu memainkan peranan penting dalam menangani isu ini dengan mendesak Myanmar agar menghentikan persengketaan dengan bangsa Rohingya seterusnya membantu mereka menangani permasalahan besar etnik tersebut. Persengketaan antara Myanmar dengan bangsa Rohingya di wilayah Rakhine dikatakan menjadi punca utama kebanjiran pelarian Rohingya di negara-negara ASEAN.

Oleh itu, jika ASEAN mampu bertegas dan mendesak Myanmar agar menghentikan segala sengketa, begitu juga membawa Myanmar ke meja rundingan bagi mengatasi permasalahan ini, dipercayai bahawa lambakan pelarian Rohingya mampu diatasi serta dikurangkan di semua negara ASEAN terutamanya di Malaysia. □